

Mhi
Sejak 1982

ملک هاری این

MELAKA HARIINI

**KEPUTUSAN RASMI PILIHAN RAYA UMUM
DEWAN UNDANGAN NEGERI MELAKA KE-15**

BARISAN NASIONAL

18 UMNO 1 MIC 2 MCA

21
KERUSI

PAKATAN HARAPAN

0 PKR 1 AMANAH 4 DAP

5
KERUSI

PERIKATAN NASIONAL

2 BERSATU 0 GERAKAN 0 PAS

2
KERUSI

#prnmelaka2021



Ketua Menteri Melaka ke-13

Sulaiman angkat sumpah



BN menang dua pertiga

Mandat baharu

2,3&4

Dapatkan keputusan penuh
PRN Melaka 2021 **10&15**

Di sini bermulanya
- Zahid

4

Dua agenda utama
kerajaan Melaka - PM

4

Sulaiman Ketua Menteri Melaka ke-13

Liana Sahabudin

SERI NEGERI - Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri Melaka ke-13 selepas Barisan Nasional (BN) berjaya membentuk kerajaan negeri, pada 20 Nov.

Istiadat Pengurniaan Surateara Pelantikan dan Angkat Sumpah Jawatan, Taat Setia serta Sumpah Simpan Rahsia berlangsung di hadapan Yang di-Pertua Negeri Melaka, Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam di Dewan Seri Utama kira-kira jam 12.58 tengah malam.

Hadir sama isteri Mohd Ali, Toh Puan Asmah Abd Rahman. Turut hadir menyaksikan acara angkat sumpah itu Perdana Menteri merangkap Naib Presiden UMNO Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, Presiden UMNO Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, Presiden MCA Datuk Seri Wee Ka Siong dan Pengerusi Lembaga Penasihat Barisan Nasional (BN) Datuk Seri

Najib Tun Razak.

Sulaiman, 55, sebelum ini dinamakan sebagai calon Ketua Menteri Melaka jika BN menang pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka.

Ini merupakan kali kedua Sulaiman dilantik sebagai Ketua Menteri Melaka selepas pertama kali dilantik ke jawatan tersebut pada Mac tahun lalu.

Dalam pada itu, Sulaiman yang ditemui selepas majlis berkenaan berjanji akan memikul tanggungjawab seikhlas hati untuk memimpin negeri ini.

Katanya, beliau sama sekali tidak akan menghamparkan mandat yang diberikan rakyat Melaka untuk memimpin dan mendatangkan negeri ini ke arah lebih baik.

"Saya sama sekali tidak akan menghamparkan harapan rakyat negeri ini dan berjanji akan memikul tanggungjawab seikhlas hati.

"Sebagai Ketua Menteri baharu, saya akan menunaikan kewajipan sebagaimana

kehendak rakyat Melaka dan pada masa sama menggalas amanat untuk memahsyurkan negeri ini ke persada antarabangsa.

"Saya juga berjanji akan memimpin dan melaksanakan tugas dan tanggungjawab kepada rakyat tanpa mengira etnik, bangsa dan kaum," katanya.

Sulaiman turut merakamkan ucapan penghargaan kepada Tun Ali dalam memperkenan dan melantiknya sebagai Ketua Menteri.

Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada rakyat Melaka yang masih memberikan kepercayaan kepada padanya dalam meneruskan tugas sebagai pemimpin dan wakil rakyat.

Dalam pada itu, mengulas mengenai pemilihan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO), Sulaiman berkata perkara itu akan diputuskan dalam masa terdekat.

"Saya perlu menilai jumlah kerusi yang telah dimenangi dan saya akan memaklumkan perkara ini



SULAIMAN mengangkat sumpah Ketua Menteri Melaka ke-13 di hadapan Mohd Ali.

selepas saya mengambil kira aspek kebolehan dan begitu juga pengalaman bagi setiap

portfolio yang saya lantik.

"Insha-Allah ia akan diselesaikan dalam masa ter-

dekat iaitu pada minggu depan (minggu ini)," kata-nya.

BN menang 2/3 kerusi DUN Melaka

AYER KEROH - Barisan Nasional (BN) mengisytiharkan kemenangan pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka penggal ke-15.

Perkara itu diumumkan Pengerusi BN Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi dalam satu majlis di Bilik Gerakan Utama parti itu di Seri Cendana pada 20 Nov.

Menurutnya, kemenangan

mutlak itu diperoleh selepas mendapat majoriti dua pertiga dengan memenangi 21 daripada 28 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka.

Kemenangan bergaya BN bermula dengan mempertahankan 12 kerusi yang dimenangi pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) iaitu Kuala Linggi, Tanjung Bidara,

Ayer Limau, Lendu, Taboh Naning, Asahan, Sungai Udang, Pantai Kundor, Ayer Molek, Rim, Serkam, Merlimau dan Sungai Rambai.

Tidak cukup dengan itu, gabungan parti antara UMNO, MCA dan MIC itu turut merampas sembilan kerusi baharu iaitu Rembia, Kelebang, Machap Jaya, Telok Mas, Pengkalan Batu, Gadek, Durian Tunggal, Paya Rumput dan Duyong.

Daripada 28 kerusi yang diundi hanya tujuh sahaja tewas termasuklah gagal mempertahankan kerusi DUN Sungai Udang yang dimenangi calon Perikatan Nasional (PN).

Pakatan Harapan kekal di kerusi Ayer Keroh, Kesidang, Kota Laksamana, Banda Hilir dan Bukit Katil, manakala Bemban pula dimenangi PN.

Bagaimanapun, hampir kesemua calon muda BN yang diperkenalkan pada PRN ini berjaya meraih kejayaan.

Mereka ialah Dr Muhamad Akmal Saleh yang memenangi DUN Merlimau; Datuk Rais Yasin (Paya Rumput); Mohd Noor Helmy Abdul Halem (Duyong) dan Fairul

langgan wakil rakyat.

Untuk rekod, kali terakhir BN memperoleh majoriti dua pertiga di Melaka ialah pada Pilihan Raya Umum ke-12 (PRU12) pada 2008 apabila memenangi 23 kerusi.

Sementara itu, Suruhanjaya Pilihan Raya turut mengesahkan kemenangan mutlak BN pada kali ini dengan memperoleh 21 kerusi, sementara pencabarannya PH dengan lima kerusi dan dua untuk PN.

Pengumuman kemenangan itu diumumkan Pengerusi SPR Datuk Abdul Ghani Salleh pada jam 9.55 malam, 20 Nov lalu.



AHMAD Zahid mengumumkan kemenangan BN pada PRN Melaka di Bilik Gerakan Utama BN di Seri Cendana Ballroom & Cafe.

WAKTU SOLAT						
	SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
22 NOVEMBER 2021	5.45 am	6.58 am	1.00 pm	4.22 pm	6.57 pm	8.12 pm
23 NOVEMBER 2021	5.46 am	6.58 am	1.00 pm	4.23 pm	6.58 pm	8.12 pm
24 NOVEMBER 2021	5.46 am	6.58 am	1.00 pm	4.23 pm	6.58 pm	8.13 pm
25 NOVEMBER 2021	5.46 am	6.59 am	1.01 pm	4.23 pm	6.58 pm	8.13 pm
26 NOVEMBER 2021	5.46 am	6.59 am	1.01 pm	4.24 pm	6.58 pm	8.13 pm
27 NOVEMBER 2021	5.47 am	6.59 am	1.01 pm	4.24 pm	6.58 pm	8.14 pm
28 NOVEMBER 2021	5.47 am	7.00 am	1.02 pm	4.24 pm	6.58 pm	8.14 pm



Setinggi-Tinggi

Tahniah

**YAB DATUK SERI UTAMA (DR.)
HAJI SULAIMAN BIN MD. ALI**

SEMPENA PELANTIKAN SEBAGAI

**KETUA MENTERI MELAKA
KE-13**



Ikhlas Daripada

DATO' TS. KAMEL MOHAMAD
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI MELAKA
&
SELURUH WARGA KERJA
PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI MELAKA

Kestabilan politik bermula di Melaka - Zahid



Faiz Hasan

AYER KEROH - Barisan Nasional (BN) yakin kestabilan politik negara akan bermula di Melaka selepas memenangi Pilihan Raya Negeri (PRN) penggal ke-15.

Pengerusinya Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi berkata, pelbagai ketetapan akan diambil termasuk agenda transformasi dan pengukuhan bagi menjamin kestabilan politik yang akan menjadi landskap baharu negeri ini.

Ketika berucap pada majlis pengumuman kemenangan BN di Seri Cendana, di sini, beliau berkata, antara yang akan diperkenalkan ialah enakmen lompat parti dan meminda peruntukan undang-undang untuk menangani isu tersebut di Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka.

Selain itu, katanya, BN juga akan mengusulkan kerjasama antara Yang Berhormat

(YB) untuk memastikan jangka hayat DUN Melaka kekal untuk tempoh sekurang-kurangnya empat tahun daripada tarikh pertama persidangan.

"Kita juga akan memperkenalkan satu tanda kelola Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri sebagai panduan undang-undang konvensyen dan peraturan kerajaan negeri, selain memperkenalkan amalan undi percaya dan konstruktif '*world of confidence*' untuk memastikan sebuah kerajaan yang tidak dijatuhi.

"Pada masa sama, memperkenalkan agenda transformasi dan pengukuhan dalam urusan persidangan DUN Melaka untuk membolehkan semua ahli YB memainkan peranan yang lebih efektif dalam penggalan undang undang dasar dan semak serta imbang kerajaan negeri.

"Yang terakhir ialah mengusulkan peruntukan dan kebijakan kepada semua ahli-



AHMAD ZAHID ketika berucap selepas pengumuman kemenangan BN di Bilik Gerakan Utama BN di Ayer Keroh. (Foto: Bazuki Muhammad)

ahli YB secara adil yang akan diputuskan melalui sebuah jawatankuasa dewan yang dipengerusikan oleh Speaker DUN dan Ketua Menteri," katanya.

Zahid menzahirkan keyakinan ketetapan agenda itu dapat menjamin kestabilan yang didambakan oleh Rakyat Melaka khususnya dan rakyat Malaysia amnya.

"Langkah pertama BN ke arah menstabilkan politik negara bermula di Melaka, kerana di sini segalanya bermula," katanya.

Mengulas mengenai kemenangan besar

BN pada PRN itu, Zahid menyifatkan ia sebagai satu isyarat jelas daripada rakyat Melaka yang mahukan jaminan kestabilan politik di negeri ini.

"Ia memperlihatkan perubahan sikap rakyat khususnya pengundi di Melaka yang telah kembali semula menyokong BN.

"Dengan kemenangan ini BN mengiktiraf permintaan rakyat yang mahukan kestabilan politik supaya kembali di negeri Melaka, Insya-Allah kestabilan politik ini kita akan terjemahkan di seluruh negara," katanya.

Kebajikan, ekonomi agenda utama kerajaan Melaka - PM

Farah Suhaidah Othman

KUALA LUMPUR - Kebajikan rakyat dan kemajuan ekonomi akan menjadi agenda utama kerajaan Melaka yang bakal dibentuk nanti, kata Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Beliau berkata, kemenangan Barisan Nasional (BN) meraih majoriti 21 kerusi dalam Pilihan Raya Ne-

geri (PRN) pada 20 Nov menunjukkan semangat Keluarga Malaysia yang mau membangunkan semula negara akibat pandemik COVID-19.

Sehubungan itu katanya, dua aspek itu akan menjadi keutamaan di bawah pentadbiran Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali.

"Terima kasih buat Ke-

luarga Malaysia di Melaka kerana memilih BN sebagai kerajaan baharu.

"Insya-Allah kebajikan dan kemajuan ekonomi negeri Melaka pastinya akan menjadi agenda utama pentadbiran kerajaan baharu yang akan dibentuk nanti," katanya.

Beliau yang juga Naib Presiden UMNO turut menzahirkan penghargaan ke-

pada Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Timbalan Pengerusi, Datuk Seri Mohamad Hasan serta timbalan pengerusi BN, presiden parti komponen dan seluruh jentera parti.

Beliau berkata, kejayaan itu adalah hasil usaha ditunjukkan jentera parti yang menggembeleng tenaga membantu untuk memenangkan BN di Melaka.

"Penghargaan juga buat mantan Pengerusi Barisan Nasional, Datuk Najib Tun Razak yang turut turun padang membantu kemenangan di Melaka.

"Inilah semangat Keluarga Malaysia yang mana kita semua menuju ke destinasi yang sama iaitu mem-



ISMAIL mengucapkan terima kasih kepada keluarga Melaka yang memilih BN untuk mentadbir negeri ini. (Foto: Mr Azli)

bangunkan kembali Malaysia selepas mengharungi pandemik yang mencabar

ini.

"Terima kasih Keluarga Melaka," katanya.

RAMALAN KAJI CUACA DI MELAKA 22-26 NOVEMBER 2021

Iasnin 22/11/2021	Selasa 23/11/2021	Rabu 24/11/2021	Khamis 25/11/2021	Jumaat 26/11/2021
Pagi: Hujan di satu atau dua tempat di kawasan pantai Petang: Ribut petir di satu atau dua tempat Malam: Tiada hujan Min: 23° / Maks: 32°	Pagi: Ribut petir di satu atau dua tempat Petang: Tiada hujan Malam: Tiada hujan Min: 23° / Maks: 32°	Pagi: Hujan di satu atau dua tempat di kawasan pantai Petang: Tiada hujan Malam: Tiada hujan Min: 23° / Maks: 32°	Pagi: Tiada hujan Petang: Tiada hujan Malam: Tiada hujan Min: 23° / Maks: 32°	Pagi: Tiada hujan Petang: Tiada hujan Malam: Tiada hujan Min: 23° / Maks: 32°



Setinggi-tinggi
TAHNIAH

**YAB DATUK SERI UTAMA (DR.)
HAJI SULAIMAN BIN MD. ALI**

SEMPENA PELANTIKAN SEBAGAI

**KETUA MENTERI
MELAKA
KE - 13**

Setulus Ikhlas Daripada



**Ahli Lembaga Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif, Seluruh Warga Kerja
dan Anak Syarikat Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka**

'Jangan sia-siakan mandat ini'



A Jalil Hamid



SULAIMAN dipilih untuk mengetuai pentadbiraan kerajaan negeri Melaka.

SERI NEGERI - Jam menunjukkan 12.58 tengah malam apabila Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri Melaka yang ke-13.

Ini bukan satu-satunya kelainan bagi Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka pada 20 November. Sejak 4 Okt, PRN ini penuh dengan kejutan, sehingga ada pengalisa politik pun tidak terlalu berani meramal keputusannya.

Sulaiman, yang tidur hanya dua atau tiga jam setiap hari sejak lebih dua minggu lalu, pun mungkin terkejut dengan kemenangan besar Barisan Nasional (BN) di PRN ini. Setelah mengangkat sumpah di depan Yang di-Pertua Negeri Melaka, beliau dan isteri terpaksa pulang ke rumahnya di Lendu kira-kira 2 pagi.

Sebelum itu, apabila keputusan tidak rasmi daripada parti-parti yang bertanding mula ditularkan sejak 7 malam Sabtu, kelihatan BN mula mendahului parti-parti lawan - Perikatan Nasional (PN) dan Pakatan Harapan (PH).

Kira-kira 9 malam, jelas BN memenangi majoriti mudah untuk membentuk kerajaan negeri, setelah tewas pada PRN 2018.

Dan sehingga tamat semua keputusan, BN kembali kekal bertapak di negeri bersejarah ini setelah menang dua pertiga kerusi atau 21 daripada 28 kerusi untuk menyamai rekodnya pada PRN 2008.

Dibantu dengan mandat yang kuat, Sulai-

man mahu melihat perubahan besar dalam pentadbirannya untuk tempoh lima tahun setelah 18 bulan memegang jawatan Ketua Menteri pada Mac 2020 setelah kerajaan PH tumbang.

Beliau mempunyai banyak idea baharu, yang juga memerlukan satu perubahan paradigma dalam merancang dan melaksanakan segal agenda negeri. Beliau perlu belajar daripada pengalaman beliau selama 18 bulan dengan membetulkan sebarang kelemahan dan kekurangan.

Apa rahsia kemenangan besar BN?

Selain daripada faktor Sulaiman, yang sikapnya yang rendah diri dan disenangi ramai, strategi dan taktik BN untuk menawan hati dan perasaan pengundi turut membantu.

BN hanya fokus kepada dua perkara dalam kempennya - kestabilan politik dan kemakmuran rakyat. Jelas rakyat telah jelek dengan pelbagai kemelut politik dan ditambah dengan isu-isu "bread and butter" ekoran daripada kesan pandemik COVID-19.

Keputusan PRN Melaka sesungguhnya mencerminkan hasrat majoriti pengundi Melaka yang bersepakat mahukan sebuah kerajaan satu parti yang solid, bukan sebuah gabungan pelbagai parti.

Mereka telah melihat pengalaman di bawah PH yang memperlekehkan hak keisytihewaan Melayu dan akhirnya kerajaan tumbang.

Mereka juga telah melalui pengalaman di bawah gabungan PN yang terbukti rapuh dan akhirnya turut tumbang.

Dari pengalaman pahit dan terumbang ambing di bawah pelbagai parti gabungan yang mempunyai dasar berbeza, pengundi Melaka

bertekad mahukan kerajaan, satu parti seperti BN yang diterajui UMNO agar pentadbiran negeri stabil dan kebajikan rakyat terjamin.

Oleh itu, mesej pengundi Melaka adalah kuat dan jelas. Dan BN perlu lebih merendah diri dan melaksanakan janji-janji dengan baik.

"Dengan kemenangan ini, BN juga mengiktiraf permintaan rakyat Melaka yang mahukan kestabilan politik kembali bukan sahaja untuk Melaka tetapi untuk Malaysia keseluruhannya," kata Pengurus BN Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi.

"Hari ini isyarat yang jelas telah diberikan oleh rakyat Melaka. Mereka telah mengundi sealaras dengan agenda kestabilan politik demi kemakmuran negeri Melaka yang menjadi teras kepada Aku Janji BN. Sesungguhnya BN mendengar isi hati orang Melaka," katanya.

PRN Melaka ini juga menunjukkan PH (DAP, Amanah dan PKR) gagal mengekalkan sokongan pengundi mereka pada 2018, setelah ramai pengundi Cina dan India beralih kepada BN.

PN pula, yang dianggotai oleh Bersatu, PAS dan Gerakan, gagal bertapak di Melaka setelah menang hanya dua kerusi. Ramai pengundi tidak faham apa perjuangan sebenar Bersatu.

PAS dihukum oleh penyokongnya sendiri setelah parti itu memilih untuk bergabung dengan PN kali ini. Pengundi Cina pun was-was dengan PAS setelah isu 4-D di Kedah.

Kini, bola di kaki Sulaiman.

Bagaimana beliau mencorak pentadbiran beliau akan diperhati oleh semua pengundi.

Yang penting, janganlah sia-siakan mandat ini.

*Setinggi-tinggi
Tahniah*



**YAB DATUK SERI UTAMA (DR.)
HAJI SULAIMAN BIN MD. ALI**

SEMPENA PELANTIKAN SEBAGAI
KETUA MENTERI MELAKA KE-13

Setulus Ikhlas Daripada

**DATO' MOHD FAUZI BIN YAAKUB
PENGURUS BESAR**

**DAN SELURUH WARGA KERJA
PERBADANAN KETAU MENTERI MELAKA (CMI)**



PRN Melaka bukti amalan demokrasi ke arah positif

WALAUUPUN peratusan keluar mengundi tidak menepati sasaran Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tetapi prosedur operasi standard (SOP) yang dirancang dengan kerjasama pelbagai agensi berkaitan

mempertahankan negara mampu mengadaptasi norma terkini dalam memastikan amalan demokrasi

dan kepentingan negara berjaya dilaksanakan.

Apa yang lebih penting adalah kempen digital tanpa bersentuh telah berjaya mewujudkan segmentasi baru dalam perang saraf gerak saraf dan propaganda politik.

Kreativiti serta eksplorasi idea positif calon parti politik untuk mendekati masyarakat pengundi secara maya membina tatacara baru kempen politik negara.

Inovasi perang saraf dan gerak saraf serta propaganda politik pada kempen PRU Negeri Melaka dilihat lebih positif oleh calon-calon yang bertanding.

Propaganda politik seperti pembunuhan karakter, sindiran melampau, tohahan dan lain-lain pendekatatan perang saraf dan gerak saraf secara negatif tidak lagi digunakan oleh calon-calon yang bertanding khususnya dalam kalangan muka baharu politik negara.

Pembaharuan ini perlu dikalkan kerana propaganda politik serta gerak saraf yang terbaik adalah kempen yang positif dan berke-



DR Noor Nirwandy

pentingan rakyat sepenuhnya.

Teras Keselamatan Negara melalui Dasar Keselamatan Negara oleh Majlis Keselamatan Negara juga menggariskan kepentingan kestabilan sosio politik antaranya adalah melalui membudayakan persekitaran politik sihat dan matang.

Keselamatan politik perlu dijayaikan oleh calon serta pemimpin parti untuk terus meyakinkan masyarakat terhadap kemampuan ahli politik negara melalui kempen propaganda serta gerak saraf positif berkepentingan rakyat.

Dr Noor Nirwandy Mat Noordin
Penganalisis Keselamatan & Politik
Pusat Pengajian Perang Saraf & Informasi UiTM
drnirwandy.com



PENGUNDI Mohd Zin Mohd, 76, membuang undi di Sekolah Kebangsaan (SK) Jeram, Masjid Tanah.

KRUBONG HEIGHTS
HAK MILIK KEKAL

Untuk Bumiputera Sahaja
20' x 70'
Rumah Teres 2 Tingkat
4 Bilik Tidur | 3 Bilik Air

06. 337 3333 www.pbrealty.com.my

012. 601 0486 Vinz Lee
012. 638 4496 Yen
012. 698 6255 Kelly Ong
012. 667 0833 Sara Siow
012. 618 7922 Zura
012. 661 1682 Tammy Ong
012- 606 8195 Sylvia Chew
010- 279 3971 Elynn Un
018- 955 5177 Edwin Chan
011- 7496 0874 Ajilah

Keharmonian tercipta disini...

Taman Krubong Heights merupakan bandar bersepadu yang terulung. Berlokasi di persekitaran yang strategik dan indah. Hartanah unggul yang berprestij dan selektif ini dapat memenuhi citarasa gaya hidup anda.



Watch Interior 360° view >>

<https://krubongheights-bumi.weebly.com/>



Pemaju:
PB REALTY SDN BHD 338851-D

No. 1B, Wisma PB Realty, Jalan PK 8,
Taman Perindustrian Krubong,
75260 Melaka. Fax: 06.336 5678 www.pbrealty.com.my

GALERI PRN MELAKA 2021: SEKITAR HARI MENGUNDI, PENGUMUMAN KEPUTUSAN DAN MAJLIS ANGKAT SUMPAH



SEKITAR Majlis Angkat Sumpah Ketua Menteri ke-13 di Dewan Seri Utama pada 20 Nov lalu. (Foto: Azren Jamaludin)



DATUK Seri Ahmad Zahid Hamidi (dua dari kiri) mengumumkan kemenangan BN di Seri Chendana. Hadir sama Datuk Seri Mohamad Hasan (kiri) dan Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali (dua dari kanan). (Foto: Bazuki Muhammad)



PETUGAS SPR membantu pengundi OKU, Khairani Isa, 50, melaksanakan tanggungjawab mengundi pada hari mengundi biasa sempena Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka di Durian Tunggal, Alor Gajah. (Foto: MR Azli)



DATUK Seri Utama Sulaiman Md Ali menerima ucapan tahniah daripada Perdana Menteri merangkap Naib Presiden UMNO Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob. (Foto: Azren Jamaludin)



DATUK Wira Mas Ermieyati menunjukkan tanda sudah mengundi pada Pilihan Raya Negeri Melaka. (Foto: Bazuki Muhammad)



PENGUNDI Akmariahton Suboh, 47, dibantu oleh petugas SPR selepas membuang undi di Sek Ren Ramuan China Besar, Masjid Tanah. (Foto: Bazuki Muhammad)



NURUL Fateha Muhamad Nizam, 25, (kanan) bersama kakaknya Nurul Fazira, 27, menunjukkan dakwat di jari selepas menunaikan tanggungjawab pada hari mengundi biasa di Sekolah Kebangsaan Durian Tunggal, Alor Gajah. (Foto: MR Azli)

MELAKA HARI INI	
NO.TEL : 06 - 251 9314, 06 - 251 9315 FAX : 06 - 251 9316	

PEMANGKU PENGARANG
MOHD FAZRUL
ABDUL MAJID
fazrul@melakaharlini.my

PEGAWAI TEKNOLOGI
MAKLUMAT
ABDUL JALIL JAMAR
abduljaliljamar@gmail.com

JURUFOTO KANAN
AZREN JAMALUDIN
m.azren86@gmail.com

WARTAWAN

MOHD FAIZ ABU HASAN
faizhasan@melakaharlini.my

WARTAWAN

LIANA SAHABUDIN
lilyann90@melakaharlini.my

REKABENTUK & GRAFIK

AMBRAN MOHAMED
ambran@melakaharlini.my

PEMASARAN

PENGURUS
MUHAMMAD HAMZI
ROSMANI
amz@melakaharlini.my
018 - 329 9936

UNIT MEDIA SOSIAL

EKSEKUTIF
IZAIDA RAIHANAH IDRIS
izaidehaniah363@gmail.com

SHARIFAH NORHALIDAH
SYED KHAIDZIR
khaidzir@melakaharlini.my

MELAKA TV

KETUA
ASHALIA YUSOF
ashaliayusof@melakaharlini.my

PENYINTING VIDEO
RABIAH OSMAN
osmanrabiah@melakaharlini.my

JURUKAMERA
ISMAIL IBRAHIM
dakmail92@melakaharlini.my

WARTAWAN PENYIARAN
MOHAMAD FARIS HAikal
farishakal.zakaria@melakaharlini.my

AUFA IZZATI
AHMAD ZAILANI
aufalzzati98@melakaharlini.my

AMIRUL RAMLI
amirul@melakaharlini.my



Yang Dipertua, Ahli-Ahli Majlis,
Setiausaha, Ketua-Ketua Jabatan dan
Seluruh Warga Kerja
Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya



SEMPENA PELANTIKAN SEBAGAI

KETUA MENTERI MELAKA
KE-13

Setulus Ikhlas Daripada

KEPUTUSAN PENUH PILIHAN RAYA NEGERI MELAKA KE - 15

 Rosli Abdullah ADUN KUALA LINGGI	 Datuk Rais Yasin ADUN PAYA RUMPUT	 Datuk Lim Ban Hong ADUN KELEBANG	 Sulaiman Md Ali ADUN LENDU	 Mohd Noor Helmy Abdul Halem ADUN DUYONG	 Datuk Khaidhirah Abu Zahar ADUN RIM	 P. Shanmugam ADUN GADEK
-----------------------------------------	------------------------------------------	-----------------------------------------	-----------------------------------	------------------------------------------------	--------------------------------------------	--------------------------------

N01	KUALA LINGGI : BARISAN NASIONAL	UNDI
	Rosli Abdullah	3,554
	Julasapiyah Kassim	1,718
	Aziah Mohd Sa'ad	1,645
	Kamisan Palil-Hilang Deposit	51
Majoriti : 1,836		

N02	TANJUNG BIDARA : BARISAN NASIONAL	UNDI
	Datuk Seri Ab Rauf Yusoh	3,559
	Datuk Wira Mas Ermieyati Samsudin	3,195
	Zainal Hassan	489
Majoriti : 364		

N03	AYER LIMAU : BARISAN NASIONAL	UNDI
	Hameed Mytheen Kunju Basheer	3,838
	Dr. Nordina Abd Latif	2,753
	Mazenah Baharuddin	798
Majoriti : 1,085		

N04	LENDU : BARISAN NASIONAL	UNDI
	Datuk Seri Sulaiman Md Ali	4,486
	Abdullah Mahadi	1,382
	Mohamad Asri Ibrahim	1,155
Majoriti : 3,104		

N05	TABOH NANING : BARISAN NASIONAL	UNDI
	Zulkifle Mohd Zin	3,170
	Abu Hashim Abdul Samad	1,345
	Zairi Suboh	1,024
Majoriti : 1,825		

N06	REMBIA : BARISAN NASIONAL	UNDI
	Datuk Muhammad Jailani Khamis	4,224
	Zamri Pakiri	3,364
	Zamzuri Arifin	2,433
	Sabarudin Kudus-Hilang Deposit	67
	K.Murali-Hilang Deposit	64
Majoriti : 860		

N07	GADEK : BARISAN NASIONAL	UNDI
	P. Shanmugam	3,022
	G. Saminathan	2,463
	Mohd Amir Fitri Muhamram	2,041
	Laila Norinda Maon-Hilang Deposit	68
	Azafen Amin-Hilang Deposit	60
	Mohan Singh-Hilang Deposit	23
Majoriti : 559		

N12	PANTAI KUNDOR : BARISAN NASIONAL	UNDI
	Tuminah Kadi @ Mohd Hashim	3,960
	Mohamad Ridzwan Mustafa	3,133
	Datuk Nor Azman Hassan	2,799
Majoriti : 827		

N13	PAYA RUMPUT : BARISAN NASIONAL	UNDI
	Datuk Rais Yasin	6,830
	Datuk Seri Shamsul Iskandar Md. Akin	6,201
	Muhammad Faris Izwan Mazlan	3,972
	Mohamad Hashidi Mohd Zain-Hilang Deposit	127
	Mohd Jaini Dimon-Hilang Deposit	81
Majoriti : 629		

N14	KELEBANG : BARISAN NASIONAL	UNDI
	Datuk Lim Ban Hong	5,028
	Datuk Gue Teck	4,152
	Bakri Jamaluddin	3,884
Majoriti : 876		

N15	PENGKALAN BATU : BARISAN NASIONAL	UNDI
	Datuk Kalsom Nordin	4,839
	Muhamad Danish Zainudin	4,708
	Mohd Azrudin Md Idris	2,681
	Datuk Norhizam Hassan Baktee-Hilang Deposit	1,218
	Dr Mohd Aluwi Sari-Hilang Deposit	82
Majoriti : 131		

N16	AYER KEROH : PAKATAN HARAPAN	UNDI
	Kerk Chee Yee	9,459
	Yong Fun Juan	3,835
	Datuk Seri Micheal Gan Peng Lam	2,479
Majoriti : 5,624		

N17	BUKIT KATIL : PAKATAN HARAPAN	UNDI
	Adly Zahari	6,805
	Datuk Hasnoor Sdg Husin	5,748
	Muhammad Al Afiz Yahya	3,715
	Abdul Hamid Mustaphah-Hilang Deposit	109
Majoriti : 1,057		



EDISI KHAS 22 NOVEMBER 2021 - 28 NOVEMBER 2021 / 17 RABIULAKHIR 1443H - 23 RABIULAKHIR 1443H

MIMBAR MAIM

"Benar-benar sangat beruntung orang-orang yang membersihkan diri dengan beriman dan sentiasa berzikir menyebut nama Tuhannya serta mengerjakan sembahyang." (**Surah Al-A'la, ayat 14-15**)

"Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, dan kekurangan dari harta benda serta jiwa dan hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang yang sabar." (**Surah Al-Baqarah, ayat 155**)

MAIM perkukuh bantuan kepada asnaf

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my

MELAKA TENGAH - Masyarakat Islam khususnya golongan asnaf di negeri ini menjadi keutamaan kepada Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) untuk membantu sahsiah kehidupan mereka.

Melalui Bahagian Agihan Zakat MAIM setiap permohonan dan bantuan yang ada akan disalurkan

kepada mereka yang memerlukan dan pastinya layak untuk menerima bantuan zakat.

Skim bantuan yang telah disediakan MAIM kepada golongan asnaf yang ada akan membantu mereka menikmati bantuan yang diberi dengan sebaiknya dan seterusnya boleh meneruskan kehidupan dengan penuh keberkatan.

Dalam hal ini, MAIM sentiasa meneliti setiap maklumat dan laporan yang diterima daripada setiap

permohonan dalam usaha memastikan mereka yang benar layak akan dibantu.

MAIM turut akan memastikan setiap bantuan yang diberi akan sampai ke sasaran khususnya golongan lapan asnaf yang telah terkandung dalam al-Quran.

Sehingga kini sebanyak 19 skim bantuan telah disediakan oleh MAIM dan semuanya tertumpu kepada golongan asnaf yang ada dalam usaha membantu mereka



menikmati kehidupan yang lebih baik.

Bantuan makanan secara bulanan merupakan bantuan utama yang diberikan tumpuan bagi pengagihan bantuan zakat di negeri ini kepada asnaf fakir dan miskin.

Pendidikan anak-anak asnaf turut mendapat bantuan sewajarnya bagi memastikan mereka mendapat pendidikan yang sebaiknya dalam usaha membantu keluarga mereka di masa akan datang.

Peranan masyarakat sekeliling juga amat ditagih menjadi mata

dan telinga bagi membantu MAIM menyampaikan bantuan kepada mereka yang layak.

Bantuan penyakit kronik seperti penyakit kanser dan rawatan haemodialisis juga disediakan serta beberapa bantuan lain yang dirasakan sesuai untuk disalurkan kepada golongan asnaf.

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat lanjut berkaitan bantuan MAIM boleh hubungi MAIM di talian 06-2881881 / 1882 atau layari laman sesawang www.maim.gov.my.



LAPORKAN KEPADA MAIM MEREKA YANG DALAM KESUSAHAN

Melaka Tengah | 06-283 7416 / 06-284 9809
06-288 1881 / 06-288 1882

Jasin | 06-529 8415
06-529 8417

Alor Gajah | 06-384 2699

Merlimau | 06-263 9505

Website | www.maim.gov.my

Email | admin@maim.gov.my

Youtube | [majlis agama islam melaka](#) Facebook | [facebook/maimmelaka](#)

"Pengagihan zakat yang telus amanah kami"

Zakat Diberkati, Asnaf Disantuni

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my



TIMBALAN Pengurus MAIM, Datuk Wira Md Rawi Mahmud menyampaikan sumbangan katil kepada Zaharin Talib yang kini terlantar akibat menghidap sakit leukaemia sejak 2 tahun lalu. Katil berkenaan merupakan sumbangan Badan Sukarelawan Al-Taqwa MAIM (BSAT) dan segala urusan diri dibantu oleh isteri beliau. Turut hadir Ketua Seksyen Pembangunan Insan MAIM, Arina Safuraa Alim.



CAKNA ZAKAT...Zakat Melaka (ZM) melaksanakan program janji temu dan Ops Sedar dalam kalangan masyarakat Islam bagi menyampaikan maksud serta penerangan informasi berkaitan zakat pendapatan dan perniagaan.



PRIHATIN...Sebanyak 1,310 kit perubatan dan kesihatan telah diedarkan kepada Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC) di MITC baru-baru ini. Kandungan kit berkenaan antaranya pelitup muka, sanitasi tangan, sabun mandi anti bakteria dan ubat-ubatan serta pil vitamin yang dibenarkan dan kit itu juga merupakan sumbangan Bilik Gerakan Covid-19 Agensi Agama Islam Melaka.

Hub Usahawan Asnaf MAIM Melaka



SETIAUSAHA MAIM, Muhammad Ikram Ibrahim dan Ketua Seksyen Pembangunan Insan MAIM, Arina Safurra Alim mengadakan perbincangan bersama delegasi SIRIM bertempat di Hub Usahawan Asnaf MAIM Klebang. Perbincangan itu turut dihadiri wakil Koperasi Usahawan Asnaf Melaka Berhad bagi membincangkan hala tuju produk keluaran asnaf di sekitar negeri ini.



PRIHATIN...Setiausaha MAIM, Muhammad Ikram Ibrahim menyantuni asnaf yang sedang menjalani rawatan haemodialisis di Yayasan Toh Puan Zurina (YTPZ) baru-baru ini. MAIM telah menjalinkan kerjasama bersama YTPZ dengan menyediakan beberapa mesin dialisis bagi kegunaan asnaf di sekitar negeri ini yang ingin mendapatkan rawatan dialisis yang ditanggung spenuhnya oleh MAIM.



SETIAUSAHA MAIM, Muhammad Ikram Ibrahim telah menyampaikan 150 kit Peralatan Perlindungan Peribadi (PPE) pengurusan jenazah kepada Hospital Melaka bagi kegunaan bersama mengurus jenazah di hospital berkenaan. PPE berkenaan juga merupakan sebahagian 566 unit kit PPE yang telah disumbang oleh MAIM secara keseluruhannya sejak awal tahun ini. Hadir sama Ketua Seksyen Pembangunan Insan MAIM, Arina Safurra Alim dan Ketua Seksyen Agihan Zakat MAIM, Nasir Wahab.

PPE berkenaan terdiri daripada apron, baju (sut satu keping), sarung tangan dan pelitup muka dan bagi memudahkan urusan hospital mengurus jenazah dengan sebaiknya.





Perbelanjaan Wang Zakat Januari - September 2021

"Zakat Diberkati, Asnaf Disantuni"

01	FAKIR	RM 6,849,071.20
02	MISKIN	RM 27,621,500.76
03	AMIL	RM 6,999,208.56
04	MUALLAF	RM 3,831,164.39
05	RIQAB	RM 412,200.00
06	GHARIMIN	RM 1,639,970.60
07	FISABILILLAH	RM 16,831,803.67
08	IBNU SABIL	RM 28,810.00

Jumlah Keseluruhan : RM 64,213,729.18



@maimmelaka



www.maim.gov.my



N18	AYER MOLEK: BARISAN NASIONAL	UNDI
	Datuk Rahmad Mariman	6,348
	Mohd Fadly Samin	3,546
	Mohd Rafee Ibrahim	2,446
	Ahmad Muaz Idris-Hilang Deposit	90
Majoriti : 2,802		

N23	TELOK MAS : BARISAN NASIONAL	UNDI
	Datuk Abdul Razak Abdul Rahman	6,052
	Datuk Mohd Rafiq Naizamohideen	3,976
	Datuk Ashraf Mukhlis Minghat	3,891
	Muhammad Ariff Adly Mohammad-Hilang Deposit	153
Majoriti : 2,076		

N28	SUNGAI RAMBAI : BARISAN NASIONAL	UNDI
	Siti Faizah Abdul Azis	3,801
	Muhammad Jefri Safry	2,664
	Farzana Hayani Mohd Nasir	1,356
	Nazatul Asyraf Md Dom	84
Majoriti : 1,137		

N19	KESIDANG : PAKATAN HARAPAN	UNDI
	Seah Shoo Chin	14,769
	Leong Hui Ying	4,532
	Patrick Ng Chin Kae	3,124
Majoriti : 10,237		

N24	BEMBAN : PERIKATAN NASIONAL	UNDI
	Dr Mohd Yadzil Yaakub	4,211
	Datuk Koh Chin Han	3,883
	Tey Kok Kiew	3,095
	Ng Choon Koon-Hilang Deposit	850
	Azmi Kamis-Hilang Deposit	130
Majoriti : 328		

KEPUTUSAN PRN MELAKA

PARTI	JUMLAH KERUSI
	21
	2
	5
	-
	-
	-
JUMLAH	28

N20	KOTA LAKSAMANA : PAKATAN HARAPAN	UNDI
	Low Chee Leong	13,508
	Low Chin Hong	2,014
	Fong Khai Ling	1,190
Majoriti : 11,494		

N25	RIM : BARISAN NASIONAL	UNDI
	Datuk Khaidhirah Abu Zahar	4,037
	Azalina Abdul Rahman	2,710
	B. Prasanth Kumar	2,163
Majoriti : 1,327		

N21	DUYONG : BARISAN NASIONAL	UNDI
	Mohd Noor Helmy Abdul Haleem	4,684
	Damian Yeo Shen Li	4,484
	Datuk Kamarudin Sidek	2,484
	Gan Tian Soh-Hilang Deposit	60
	Muhamad Hafiz Ishak-Hilang Deposit	57
	Mohd Faizal Amzah-Hilang Deposit	52
Majoriti : 200		

N26	SERKAM : BARISAN NASIONAL	UNDI
	Datuk Zaidi Attan	5,038
	Ahmad Bilal Rahudin	4,959
	Muhammad Khomeini Kamal	1,535
	Norazlansyah Hazali-Hilang Deposit	99
Majoriti : 79		

N22	BANDAR HILIR : PAKATAN HARAPAN	UNDI
	Leng Chau Yen	9,091
	Lee Kah Sean	1,313
	Clarice Chan Ming Wang	634
	Mak Chee Kin	159
Majoriti : 7,778		

N27	MERLIMAU : BARISAN NASIONAL	UNDI
	Dr Muhamad Akmal Saleh	5,633
	Azrin Ab Majid	2,385
	Abd Alim Shapie	1,622
Majoriti : 3,248		





PROF. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican

Watan (1976-1997): An Independent Voice of the Times

WATAN captured the mood on campus in the late 1970s through the early 80's. This was in Shah Alam in my undergraduate years. It was the staple read. It resonated the sentiments of the student movement and protest earlier, national crises and international developments, particularly on the Iranian revolution of 1979 and notions of Islam as international political movement.

Watan was a fresh voice, a different player in the nation's journalistic scene. It was one of the earliest political tabloids to have appeared in post-1970 Malaysia where the nation was rebuilding itself, and redefining national culture and society. In the days that it appeared, students of Institut Teknologi Mara then (Now Universiti Teknologi MARA) would head toward Section Two in Shah Alam to

experience a piece of critical discourses. It was our intellectual diet, apart from the lectures on campus. *Watan* was triggered by several events. It was the larger global force of Islam and social change, to national events like the conflict between former Selangor Menter Besar Datuk Harun Idris with UMNO, and the death of Tun Razak.

Watan, published by Syarikat Watan at Brickfields, was owned by (Tan Sri) Mohd. Khir Johari, a former Cabinet member under Tunku Abdul Rahman, and former Secretary-General of UMNO. Khir was chairman until 1984. The daily was taken over by Pustaka Antara a year later. To the readers at Shah Alam, Subky Latif was the daily's opinion maker. He was known as a journalist and political writer. He was later to be one of the founders of the party organ of PAS, *Harakah*

“ When it was launched, *Watan* was meant to be an independent voice in Malaysian journalism, an alternative to the mainstream press of the day. ”

in 1987, together with the party's vice president then Haji Nakhaei Ahmad. Subky was appointed *Watan*'s editor, while former editor-in-chief of *Utusan Melayu*, Melan Abdulah, became its editorial advisor. Subky later left to set up his own newspaper, *Suara Merdeka*. But Subky returned after the publication permit of *Suara Merdeka* was not renewed. Subky finally left *Watan* after he lost in the Pelabuhan Kelang by-election as a PAS candidate.

Watan was printed with 24 pages. It was a tabloid measuring

11.2 x 15 inches. It was initially bilingual. Later its English-language segment was discontinued. That was from August 1978. It was sold for 25 sen before increasing to 40 sen in 1981.

From being a weekly, *Watan* turned daily, but reverted to a weekly in 1979. According to Hamedi Mohd. Adenan (2015) in *100 Akhbar Melayu*, beginning January 1981, its frequency was further changed to two editions a week, every Tuesday and Friday. On 15 November 1983, its editor, Abdul Halim was detained under the Internal Security Act. Its owner, Datuk Abdul Aziz himself, owner of Pustaka Antara, was remanded for 30 days for investigations. *Watan* was suspended.

It was said that the reason was because the newspaper had carried a story from the embassy of the Soviet Union saying that the Communist state would establish its government according to Islam. To the Malaysian government, the story was communist propaganda which had infiltrated *Watan*. After his release, Datuk Abdul Aziz expressed that he did not want to continue publishing the newspaper. Khir as owner of the permit therefore had to negotiate to enable *Watan* to be published by Karangkraf.

Hence, *Watan* resumed publication on 27 November 1984. Its slogan "Untuk Nusa dan Bangsa" (For Race and Motherland) was replaced by "Watan Akhbar Dinamik" (*Watan a Dynamic News paper*). Under the Karangkraf Group, Siti Bidayah Ahmad became its Chief Editor. She was later replaced by owner Hussamuddin Haji Yaacob in 1986. *Watan* continued its crusade. It was the face of a brave and bold journalism in modern Malaysia. It carried debates, commentaries and criticisms on national politics and race relation, notably between the Malays and Chinese. It was again banned on 27 October 1987, together with English and Chinese dailies the *Star*

and *Sin Chew Jit Poh* respectively.

It resumed publication after five months, with its frequency changed to three times a week, appearing on Tuesday, Thursday and Saturday. The late Abdul Jalil Ali, who was to become *Sinar Harian*'s chief editor and later its editorial advisor, joined the newspaper in 1990 as editor. *Watan*'s slogan was again changed to "Akhbar Dinamik: Mempertingkatkan Pemikiran Rakyat" (A Dynamic Newspaper: Elevating the Mind of the Rakyat). Sold for 80 sen, it continued to concentrate on the nation's political scene, especially linked to UMNO's leadership crisis.

At the end of 1992, *Watan* changed hands to Gagasan Baiduri owned by Tengku Adnan Tengku Mansor. It resumed publication on 1 January 1993 as a daily with another new slogan "Akhbar Alternatif Anda dan Keluarga" (An Alternative Newspaper for You and Family). The managing director was Tengku Adnan's brother Dr. Tengku Rethwan. Its chief editor was Zahari Affandi, assisted by editor Zainal Epi, who was from the *Star*. Mohd. Hamadi tells us that Zainal held the post for a year. Hambali Abdul Latiff then became *Watan*'s editor in 1996 until it finally ceased publication on 13 December 1997.

When it was launched, *Watan* was meant to be an independent voice in Malaysian journalism, an alternative to the mainstream press of the day.

NEXT WEEK:
Writing Kedah History

*Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican is Professor of Social and Intellectual History with the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University (ISTAC-IIUM). He is a Senior Fellow with the Southeast Asia Research Centre and Hub at De La Salle University, Manila, the Philippines.

AKHBAR DINAMIK
WATAN

BIL: 116 TAHUN KEDUA SABTU 4 - 6 JANUARI 1986 PP 53/11/85 60 SEN TERBIT SETIAP SELASA DAN SABTU

YANG MENARIK
PAMERAN SENI LUCAH DI KL
ULAMA PAS PERLU UBAH SIKAP
AZAM TOKOH POLITIK SAMBUT TAHUN BARU
PAS TAK GENTAR UMNO

EKSKLUSIF:
CERITA MENARIK MANGSA KERETAPI MAUT

Berjaya siasat 'dalang' hasut Kolnah

Oleh MISROM MATLEHAM

KOTA KINABALU: Parti Berjaya mengaku salah satu penyelidikan oleh Majlis Terengganu Parti Barisan Nasional (BN) yang berlaku bertemu dengan hasil penyelidikan oleh BN. Sekitar wakil-wakil Berjaya tidak mempunyai hak untuk bertemu dengan ahli politik BN kerana ia bukan ahli parti.

Pendiri Berjaya, Datuk Haji Mohd. Noor Mansor menegaskan, "Saya rasa maklum bahawa BN yang berlaku bertemu dengan hasil penyelidikan oleh BN. Sekiranya kita berlaku bertemu dengan BN, kita akan berlaku bersama-sama dengan BN. BN adalah ahli parti dan BN adalah ahli parti. BN adalah ahli parti dan BN adalah ahli parti."

Tanpa menyebut sebarang tajuk "dalang" dan sokongan Datuk Haji Mohd. Noor menyatakan, "Ketika itu, kita berlaku bertemu dengan hasil penyelidikan oleh BN. Sekiranya kita berlaku bertemu dengan BN, kita akan berlaku bersama-sama dengan BN. BN adalah ahli parti dan BN adalah ahli parti."

Berdasarkan dengan data dari sumber Ketua Berjaya Bagian Kusuma, Haji Abd. Momin, dia berkata, "Berjaya dan BN adalah dua ahli parti yang berlaku bersama-sama dengan BN."

"Saya sekarang perlu tahu, tapi bagaimanapun kerajaan saya masih menganggap lembaga tanjung air sebagai ahli parti yang berlaku bersama-sama dengan BN."

LIHAT MUKA 34

SEBAT
SAMY VELLU KATA SEMUA INDIA AKAN JADI AHLI MIC KECUALI KARPAL SINGH DAN PATTO.

Oleh LOKMAN HAJI ABDULLAH

KANGAR — Tokoh-tokoh UMNO Perlis mencabar ADUN PAS Bintong, Shuaib Haji Muhamad supaya membuat aduan kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR) sekerana terbukti tuduhan yang mengatakan Unit Pentadbiran Daerah (UPD) telah dijadikan alat politik untuk mendapat pengaruh dalam pemilihan umum. UMNO tidak fana dulu.

Ramly.
Pembuat — Pengeluar BANKFLY

WATAN resumed publication on 27 November 1984. Its slogan "Untuk Nusa dan Bangsa" (For Race and Motherland) was replaced by "Watan Akhbar Dinamik" (PHOTO: Internet)

Salam Takziah

إِنَّا لِهِ مُوْلَىٰ إِلَيْهِ رَجُوعٌ

“Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah
dan kepada Allah jualah kami kembali.”



Datuk Seri Abdul Ghafaar Atan

Bekas EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar
Merangkap Bekas ADUN Asahan

1956 - 2021



Datuk Bandar, Yang Dipertua,
Ahli-Ahli Majlis, Setiausaha, Ketua-Ketua Jabatan
Serta Seluruh Warga Kerja Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Melaka



DR. SHANKAR GUNARASA



PENYAKIT Ulcerative Colitis (UC) atau keradangan usus berlaku pada lapisan nipis mukosa sistem pencernaan kita. Ia adalah sebahagian daripada spektrum Inflammatory Bowel Disease (IBD) di mana sebahagian lagi adalah Crohn's Disease (CD). Kebiasannya keradangan yang berlaku pada usus kita terdiri dari pada dua penyebab iaitu infeksi dan inflamasi. Dan inflamasih yang menyebabkan IBD dan cara rawatanya cukup berbeza jika ianya di sebabkan oleh infeksi.

Minggu ini saya akan memberi sedikit pemelasan tentang penyakit UC. Ia sama seperti penyakit Crohn's Disease (CD) cuma terjadi pada lapisan dinding mukosa usus besar dan bahagian penghujung usus kecil (terminal ileum). Berlainan dengan penyakit CD, ia berlaku di sistem pencernaan dari mulut sehingga ke bahagian anus.

Kepada yang menghidap masalah UC ini, ianya suatu proses yang sukar di rawat. Penyakit ini adalah penyakit yang berpanjangan dan sering timbul dan hilang. Ianya berlaku pada usia muda atau semasa dewasa, kebiasannya sebelum umur 30 tahun.


Antara simptomnya ialah:

- Sakit di abdomen.
- Cirit berdarah lebih dari 4-6 kali
- Anaemia (kurang darah).
- Demam.
- Penurunan berat badan.


Penyakit UC ini akan berlaku secara berperingkat dan adalah masalah yang kronik yang berlaku secara berperingkat. Ianya akan menjalani proses "acute stage" dan setelah di ubati boleh

Penyakit radang usus Ulcerative Colitis


Healthy



Crohn's disease



Ulcerative colitis



berlaku "flare up" sebelum proses remisi dapat di lakukan. Apakah penyebab penyakit UC ini? Penyebab penyakit hingga kini belum diketahui. Akan tetapi, kombinasi faktor genetik, stress dan pemakanan banyak memberi pengaruh kepada masalah ini.

Bagaimanakah dengan diagnosisnya? Bagi pemeriksaan awal, doktor akan menanyakan tentang gejala yang dialami. Selain itu, doktor akan memeriksa apakah terdapat penyebab tertentu terhadap gejala tersebut seperti makanan, riwayat penggunaan ubatan, sejarah kesihatan keluarga, serta perjalanan yang baru dilakukan. Pemeriksaan darah dilakukan untuk mengetahui tahap keradangan yang terjadi di dalam tubuh. Selain itu, dengan pemeriksaan darah, doktor akan mengetahui jika terjadi infeksi. Jika dari hasil pemeriksaan darah didapatkan tanda anemia, ianya tanda kurang nutrisi atau pendarahan di dalam sistem penghad-

man. Pemeriksaan najis akan di lakukan seperti ujian calprotectin untuk mencari tanda tanda penyakit IBD, infeksi bakteria atau parasite. Pemeriksaan kolonoskopi di lakukan untuk melihat perubahan sel-sel dinding saluran cerna secara mikroskopis, yang merupakan ciri khas penyakit UC. CT scan di lakukan untuk melihat sejauh mana keradangan atau di mana keradangan usus telah berlaku. Diagnosis secara ini lebih sesuai pada permulaannya di mana pesakit kurang stabil untuk menjalani ujian invasif seperti kolonoskopi.

Setelah diagnosis telah di buat, bergantung pada tahap jangkitan iaitu dalam fasa acute, flare-up atau remisi untan yang berpatut akan di berikan oleh doktor. Antaranya ialah Kortikosteroid. Pemberian kortikosteroid sesuai untuk mengatasi inflamasi yang terjadi pada acute phase. Untuk menghindari kesan sampingan ubat ini, disarankan untuk mengurangi dos secara perlahan sebelum akhirnya di berhentikan ketika penyakit ini mula menjadi baik. Ubat anti-inflamasi lain yang digunakan ialah sulfasalazine. Salah satu ubatan lain yang digunakan bersama dengan ubat anti-inflamasi ialah imunosupresen. Ia bertindak dengan cara menekan sistem immunisasi kita sehingga reaksi keradangan pada saluran pencernaan dapat diredukan. Berikut adalah beberapa jenis dan kombinasi ubat imunosupresen untuk penderita penyakit Crohn:

- Methotrexate.
- Azathioprine
- Cyclosporine.

Dengan pmodenan pengubatan, kini ubatan biologics di berikan kepada pesakit UC yang sedang menjalani remisi. Cara tindakannya ialah menghambat faktor

TNF dalam sistem kekebalan tubuh dengan ubatan seperti infliximab, adalimumab, atau ustekinumab. Ubatan secara ini amat mahal tetapi keberkesannya memang menyerlah.

Antara komplikasi yang boleh berlaku dengan penyakit UC adalah:


- Penyumbatan saluran usus sehingga boleh berlaku kebocoran usus.
- Malnutrisi dan anaemia.
- Toxic megacolon dimana usus besar kembung lebih dari 8cms.
- Fisur anus.
- Kanser usus jika mengalami masalah ini lebih dari 8 hingga 10 tahun.

Penyakit UC dapat dicegah sekira penyebabnya dapat di ketahui. Pencegahan terbaik yang dapat dilakukan adalah menghindari faktor-faktor yang dapat meningkatkan risiko terjadinya penyakit ini.

Pencegahan dilakukan dengan penerapan gaya hidup sihat, seperti:

- Mengurangi makanan tinggi lemak dan banyakkan makanan berserat.
- Menghindari dari merokok.
- Mengelola stress dengan baik.

Sekiranya anda perlu mengetahui lebih lanjut bertentangan masalah IBD atau penyakit Ulcerative Colitis, anda boleh berhubung dengan saya, Dr. Shankar Gunarasa, Pakar Bedah Umum, Laparoskopi dan Kolorektal di Pantai Hospital Ayer Keroh Melaka di talian 06 2319999 Samb; 2131.



Melaka negeri keutamaan 5G - Annuar

Fiqa Jamal

AYER KEROH - Melaka sebagai negeri pelancongan akan diberikan keutamaan bagi perkhidmatan 5G, kata Menteri Komunikasi dan Multimedia Tan Sri Annuar Musa.

Beliau berkata, pemilihan itu juga adalah disebabkan negeri ini turut mempunyai banyak pelabur luar.

Bagaimanapun, ujarnya, sebelum perkhidmatan 5G dilancarkan, Melaka terlebih dahulu akan diperkasakan dan dilengkapi dengan perkhidmatan 4G menerusi program '*Point of Presence (PoP) Fibersation*' yang di berikan keutamaan yang tinggi.

"Saya fikir Melaka harus menjadi kawasan keutamaan pertama dari segi melengkapkan 4G di Melaka, program '*PoP Fibersation*' mesti diberikan keutamaan

yang tinggi dan pada masa ini di bawah program Jalinan Digital Negara (JENDELA) seluruh Melaka kena tambah 35 lagi menara.

"Sekiranya ada di kawasan tertentu yang memerlukan menara tambahan saya akan berikan keutamaan kerana Melaka adalah negeri pelancongan, negeri yang banyak pelabur luar yang melabur di kilang-kilang dan perusahaan.

"Di Melaka juga ada kemudahan prasarana termasuk pelabuhan dan juga lapangan terbang, ini bermakna Melaka memerlukan 5G," katanya dalam sidang media 14 Nov lalu.

Annuar berkata bagi memberikan pengalaman yang lebih baik kepada pengguna, pihaknya juga akan mempercepatkan '*PoP Fibersation*' bagi sekolah dan industri serta kawasan lima kilometer di sekitarnya dalam

pelaksanaan penukar daripada sistem 'copper' kepada sistem fiber optik.

Bagi meningkatkan perkhidmatan capaian internet di Melaka ketika ini, beliau telah meminta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan syarikat telekomunikasi (telco) untuk memasang 'booster' di banyak lokasi susulan penggunaan semasa yang tinggi.

"Jadi kita perlu melihat kepada penyelesaian jangka pendek dan jangka panjang. Untuk jangka pendek saya minta kerjasama SKMM dan telco untuk memasang 'booster' seberapa banyak lokasi bersesuaian.

"Untuk memudahkan, saya harap dapat kerjasama dari semua telco dan juga SKMM memasang 'booster' di seberapa banyak tempat supaya kualiti internet dapat ditingkatkan," katanya.



ANNUAR (kanan) mengadakan lawatan ke Pusat Operasi Media bagi Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka di Hotel Kobemas, baru-baru ini.

Melaka terima peruntukan tahunan RM210j tahun depan

KUALA LUMPUR - Kerajaan Persekutuan akan memperuntukkan sejumlah RM210 juta menerusi pemberian tahunan kepada Melaka pada 2022, kata Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz.

Beliau berkata selain itu sebanyak RM574 juta telah diperuntukkan di bawah perbelanjaan pembangunan bagi membiayai 171 projek di negeri tersebut.

"Daripada 171 projek yang diluluskan bagi Melaka, 39 merupakan projek baharu yang telah diluluskan bagi 2022 yang melibatkan peruntukan RM51.8 juta," katanya pada sesi Waktu Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, 18 Nov lalu.

Beliau menjawab pertanyaan Datuk Seri Ahmad Maslan (BN-Pontian) mengenai senarai peruntukan dan bantuan yang diberikan kepada rakyat dan kerajaan Melaka bagi 2021 dan menerusi Bajet 2022 selain peruntukan kewangan daripada kerajaan Persekutuan bagi

2022.

Tengku Zafrul berkata bagi 2021, kerajaan Melaka telah menerima sejumlah RM534 juta yang disediakan di bawah Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Melaka, melibatkan 161 projek di samping peruntukan berjumlah RM205 juta di bawah Pemberian Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Melaka.

"Secara keseluruhan, peruntukan yang telah disediakan di bawah pakej rangsangan ekonomi, peruntukan pembangunan dan pemberian kerajaan Persekutuan kepada Melaka bagi 2021 dianggarkan sebanyak RM1.5 bilion," katanya.

Beliau berkata penduduk Melaka juga akan terus menerima bantuan tunai dengan anggaran peruntukan melebihi RM300 juta, yang akan memberi manfaat kepada hampir 300,000 penerima melalui bantuan bulanan kebajikan masyarakat serta Bantuan Keluarga Malaysia (BKM). - BERNAMA



TENGKU Zafrul pertanyaan Datuk Seri Ahmad Maslan (BN-Pontian) pada sesi Waktu Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat.



MASALAH banjir yang sering berlaku di Melaka mendapat perhatian KASA.

Tujuh projek besar atasi banjir Melaka

MELAKA - Sebanyak tujuh projek berskala besar akan dilaksanakan bagi mengatasi masalah banjir di Melaka.

Menteri Alam Sekitar dan Air Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man berkata, kesemua tujuh projek itu telah diluluskan di peringkat kerajaan pusat untuk dilaksanakan.

Menurutnya, antara projek mengatasi banjir dengan peruntukan terbesar ialah menaik taraf kolam tebakan banjir di Krubong yang bernilai RM600 juta.


"Selain itu, projek lain ialah projek tebakan banjir di Alor Gajah Fasa 1 dengan peruntukan RM30 juta serta Rancangan Tebakan Banjir (RTB) Sungai Duyong dengan kos RM163

juta.

"Projek RTB itu juga akan diperluaskan di Jasin dengan peruntukan RM60 juta dan RTB Sungai Melaka Fasa 1 sebanyak RM40 juta diperuntukkan."

"Ini tanggungjawab kita sebagai kerajaan pusat untuk membantu masalah banjir yang berlaku di negeri ini," katanya dalam satu program ceramah yang disiarkan secara langsung.

Mengulas lanjut, beliau berkata kesemua senarai projek itu sahkan dalam Parlimen yang mana sebahagiannya sedang berjalan, manakala yang lain dalam peringkat proses pelaksanaan.



SETINGGI-TINGGI TAHNIAH

**YAB DATUK SERI UTAMA (DR.)
HAJI SULAIMAN BIN MD. ALI**



SEMPENA PELANTIKAN SEBAGAI

**KETUA MENTERI
MELAKA
KE-13**

Setulus Ikhlas Daripada



Yang Dipertua, Ahli-Ahli Majlis, Setiausaha,
Ketua-Ketua Jabatan dan Seluruh Warga Kerja
Majlis Perbandaran Jasin

Infrastruktur Kampung Tersusun Bemban akan ditambah baik

Liana Sahabudin

JASIN- Masalah infrastruktur yang dihadapi 387 penduduk di Kampung Tersusun Bemban Mukim Ayer Panas akan diatasi dalam masa terdekat menerusi insiatif dilaksanakan Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka (PERTAM) bersama Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM).

Ketua Pegawai Eksekutif PERTAM, Datuk Mohd Ridhwan Mohd Ali berkata ketiadaan infrastruktur yang sempurna di kawasan itu mengakibatkan penduduk terpaksa berhadapan masalah yang sama seperti banjir kilat apabila hujan lebat.

"PERTAM dan PKNM akan melaksanakan perancangan mengatasi masalah yang dihadapi penduduk ini sejak 10



LALUAN-laluan kecil di kampung tersebut turut berlaku banjir.

tahun dahulu bermula awal 2022 dan dijangka siap pada tahun 2023.

"Antara masalah dihadapi mereka (penduduk) seperti ketiadaan pembinaan rangkaian jalan raya, bekalan air, retikulasi pem-

bentungan najis dan pencawang elektrik.

"PERTAM menerima pelbagai aduan dari penduduk di kampung ini dan kampung sekiranya berkenaan ketiadaan infrastruktur yang sempurna dan

kesan buruk kepada penduduk di sini," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Kampung Tersusun Bemban seluas 66.3 ekar itu mengandungi 387 unit lot banglo, 18 unit kedai, pejabat, stesen minyak, tapak masjid,

beli," kata Ridhwan.

Katanya lagi, projek tersebut telah menjadi perhatian utama untuk dinaik taraf sejak Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali menjadi Ketua Menteri.

"Infrastruktur ini tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna sejak 2010 dan kini dengan peruntukan Unit Perancangan Ekonomi (EPU) yang disalurkan kepada PKNM pada Oktober 2020 lalu, masalah penduduk terbabit akan diatasi segera," katanya.

Untuk rekod tender pembinaan infrastruktur ini telah dikeluarkan di Utusan Malaysia pada 11 November lalu manakala MHI pada 15 November lalu dan tutup pada 14 Disember 2021, pembinaannya dijangka mengambil masa dua tahun.



MOHD Ridhwan

tapak balairaya dan tadika. Selain itu, ia juga menyediakan tapak pencawang elektrik serta kawasan lapang.

"Infrastruktur kampung terbabit ini perlu disiapkan segera bagi kemudahan semua penduduk yang telah, sedang dan akan membina kediaman di lot-lot yang telah mereka

Kajian jejak terowong lama Melaka dimulakan

BANDA HILIR - Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) sedang giat menjalankan kajian untuk menjejaki terowong lama di sekitar Bukit Melaka (Bukit St Paul).

Kajian dan penyelidikan itu dijalankan dengan kerjasama Kementerian Sains dan Teknologi (MOSTI) di bawah Inisiatif Tekno-

logi Tinggi Sentuhan Rendah.

Kerjasama itu juga melibatkan agensi-agensi di bawah MOSTI seperti Agensi Nuklear Malaysia dan Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) serta turut melibatkan penyelidik dari universiti tempatan seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Islam Anta-

rabangsa Malaysia (IIUM).

Menurut kenyataan PERZIM, pada peringkat awal satu penyelidikan telah dijalankan oleh pihak MYSA dengan kaedah resistiviti bagi mengesan sebarang unsur-unsur di bawah tanah.

Tambah kenyataan itu, sebanyak lapan lokasi di sekitar Bukit Melaka telah diuji menggunakan kaedah resistiviti.

"Projek penyelidikan oleh MYSA telah dijalankan pada 15 hingga 19 Nov yang mana ia masih dalam pemprosesan data.

"Semoga suatu hari nanti, melalui kajian dan penyelidikan menggunakan teknologi tinggi ini dapat merumuskan sama ada terdapat terowong atau laluan bawah tanah di sekitar Bukit Melaka atau sebaliknya," kata kenyataan itu.

Menurut PERZIM, kewujudan terowong lama atau laluan bawah tanah di sekitar Bukit Melaka sudah mula diperkatakan sejak tahun 1960-an lagi.

Antara yang sering diperkatakan ialah terdapat terowong dari Bukit Melaka ke Bukit Senjuang malah ada juga mendakwa terdapat laluan dari Bukit Melaka hingga ke Pulau Besar.

Hal itu disokong dengan catatan-catatan lama seperti Hikayat Munsyi Abdullah, catatan Portugis dan lain-lain yang ada menyebut terowong, laluan, ruang bawah tanah yang terdapat sekitar Bukit Melaka.

Namun, sehingga kini masih masih tiada bukti fizikal yang dapat dijadikan sandaran.



PENYELIDIKAN menggunakan kaedah resistiviti dijalankan MYSA di sekitar Bukit Melaka, baru-baru ini.

Program kembiri haiwan dapat sambutan

Siti Salehah

AYER KEROH - Sebanyak 185 ekor kucing termasuk anjing dikembirikan menerusi Program Kesedaran Kembiri 2021 anjuran Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB).

Program yang diadakan di Taman Kota Laksamana pada minggu lalu dengan bayaran yang murah dikenakan kepada pemilik iaitu RM50 bagi kucing, manakala RM100 bagi anjing jantan serta RM150 anjing betina.

Sebanyak 165 ekor kucing dan 20 ekor anjing telah dikembirikan dalam program yang berlangsung selama dua

hari itu.

Program dengan kerjasama badan bukan kerajaan (NGO) Pertubuhan Noah's Ark Natural Animal Shelter (NANAS) itu sudah berlangsung sejak 2018.

Ia diadakan bertujuan memberi kesedaran mengembirikan kucing dan anjing peliharaan serta liar bagi mengawal populasi haiwan tersebut.

Perkhidmatan percuma juga diberikan oleh NASA untuk proses kembiri bagi kucing atau anjing yang dimiliki oleh pemilik orang kelainan upaya (OKU) dan pemilik haiwan peliharaan yang kurang berkemampuan.



ANTARA orang ramai yang menyertai Program Kesedaran Kembiri 2021 anjuran MBMB.



Sukan

MELAKA HARIINI

KETUA Pegawai Eksekutif Melaka United FC Datuk Seri Justin Lim bersama pihak pengurusan bergambar dengan penyokong selepas berjaya mara ke separuh akhir Piala Malaysia.



Akhiri penantian 38 tahun

Melaka United ke separuh akhir

PEMAIN Melaka United memberikan penghargaan kepada penyokong yang hadir ke Stadium Hang Jebat.



Mohamad Fazrul Abdul Majid

KELAB Bolasepak Melaka United (Melaka United FC) melakar sejarah baharu apabila berjaya menempah tiket ke separuh akhir Piala Malaysia pada edisi ke-100 tahun ini.

Kemenangan tipis 2-1 ke atas Sabah pada 17 Nov, cukup untuk membantu kemenangan skuad Hang Tuah dengan agregat 3-1, sekaligus menamatkan penantian 38 tahun pasukan mara ke separuh akhir selepas kali terakhir melakukannya pada 1983.

Dalam aksi di Stadium Hang Jebat itu, tuan rumah tidak menunggu lama untuk memecah kebuntuan selepas Adriano berjaya menyumbat masuk gol pada minit ke-3.

Gol itu terhasil menerusi satu rembatan kaki kiri deras dari luar kotak penalti yang gagal diselamatkan penjaga gol Sabah.

Selepas itu, Melaka United terus menguasai perlawanan dan hampir menambah gol kedua pada

minit ke-26

Malangnya, Adriano yang menerima umpanan Sony Norde melakukan penyudah kurang kemas membuatkan sepakkannya sedikit tersasar di kiri pintu gol.

Berbaki enam minit separuh masa pertama, giliran Khairul Anwar Shahrudin pula mendapat peluang keemasan.

Namun sekali lagi gagal disempurnakan apabila sepakan lemahnya berjaya diselamatkan.

Di babak kedua, Melaka United terus garang memburu gol apabila memperoleh peluang menerusi Adriano hanya seminit selepas perlawanan bersambung.

Penyerang import Brazil itu sekali lagi melakukan percubaan dari luar kotak penalti, namun penjaga gol Sabah kelihatan lebih bersedia menyelamatkan gawangnya.

Percubaan demi percubaan yang dilakukan anak buah Zainal Abidin Hassan akhirnya membawa hasil apabila berjaya memperoleh gol kedua pada minit ke-78.

Adriano sekali lagi menjadi watak penting apabila melorongkan bola yang kemudiannya disudahkan Norde.

Meskipun Sabah berjaya menjaringkan gol saguhati di minit akhir permainan menerusi Risto Mitrrevski, namun kemenangan mutlak dengan agregat 3-1 kekal memihik Melaka United selepas pengadilan meitiupkan wisel penamat.

Kemenangan bersejarah itu digamatkan lagi dengan tepukan dan sorakan gemuruh ribuan penyokong Melaka United yang hadir ke stadium bagi memberikan sokongan.

Sementara itu, Ketua Jurulatih Zainal Abidin Hassan meluahkan rasa syukur di atas kejayaan cukup manis itu berkat usaha keras semua pihak selama ini.

Beliau bagaimanapun enggan berpuas hati dengan kejayaan itu, sebaliknya bertekad untuk membawa Melaka United ke final Piala Malaysia buat pertama kalinya.

"Inilah yang kita idamkan iaitu beraksi di separuh akhir dan Insya-

Allah melangkah ke pusingan akhir.

"Hanya satu tangga sahaja lagi, saya berharap pemain-pemain Melaka dapat membuat sejarah yang belum dimiliki iaitu mara ke final."

"Saya pasti ia bukan sahaja impian saya, tetapi juga impian pemain, pihak pengurusan dan tentunya penyokong bola sepak Melaka itu sendiri," katanya.

Di separuh akhir, Melaka United dijadual bertemu Kuala Lumpur City FC yang berjaya menewaskan Selangor FC dalam satu lagi aksi akhir di Cheras pada 17 Nov lalu.

Aksi separuh akhir pertama akan berlangsung pada 22 Nov di Stadium KLFA Cheras dan aksi timbal balik di Stadium Hang Jebat dijadual pada 26 Nov ini.



PIALA MALAYSIA

SEPARUH AKHIR KEDUA

26 November 2021
9.00 malam
Stadium Hang Jebat



MELAKA UNITED
FOOTBALL CLUB



KUALA LUMPUR CITY
FOOTBALL CLUB